



Duduk di rumah Amalkan jarak sosial

APRIL 1-15, 2020



PENANG
2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com

buletinmutiara | ChowKonYeow

chowkonyeow

@ChowKonYeow

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang

Oleh : SUNARTI YUSOFF

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan peruntukan tambahan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang sebanyak RM55 juta bagi mengurangkan beban golongan paling terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, menerusi pertambahan tersebut, ia menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan bagi pakej bantuan adalah kira-kira RM75 juta dengan memberikan penekanan kepada tiga objektif utama.

Menurut beliau, fokus utama Kerajaan Negeri adalah untuk menyalurkan bantuan segera kepada golongan paling terkesan iaitu penjaja, peniaga kecil, pemandu teksi, penarik beca, pemandu e-hailing, orang kurang upaya (OKU) serta golongan berpendapatan rendah (B40).

“Kerajaan Negeri sebenarnya sudah bersiap-siaga untuk menghadapi risiko ini melalui perancangan sama ada daripada segi sumber manusia, logistik serta bekalan bagi memastikan impak paling minimum terhadap rakyat dan negeri.

‘Kita akan mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti.

“Seterusnya adalah membolehkan kelangsungan perniagaan di negeri ini bagi memastikan ekonomi Pulau Pinang terus dibangunkan pasca pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Justeru, adalah diharapkan kita semua dapat kekal bertenang, bersabar dan bersatu padu berdepan cabaran ini,” katanya ketika ucapan siaran langsung menerusi laman Facebook peribadi beliau di Komtar dekat sini 25 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri mengumumkan 16

inisiatif antaranya membenarkan penangguhan bayaran cukai tanah selain manfaat untuk petugas barisan hadapan (*frontliners*) serta peniaga kecil dan penjaja berlesen.

Inisiatif-inisiatif berkaitan adalah seperti berikut:

1. Bantuan tunai RM500 (*one-off*) kepada 14,012 peniaga kecil dan penjaja berlesen yang berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

2. Bantuan tunai RM500 (*one-off*) kepada 1,367 pemandu pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan.

3. Bantuan tunai RM500 (*one-off*) kepada 18,657 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk OKU dan penerima Agenda Ekonomi Saksama (AES). Pembayaran akan dibuat terus ke dalam akaun mereka pada April 2020.

4. Tambahan RM200 kepada pemandu teksi (2,248 orang) dan penarik beca (318 orang) manakala baki RM300 wang insentif tahunan akan diawalkan ke April 2020 menjadikan keseluruhan jumlah yang akan diterima adalah RM500.

5. Bantuan tunai RM300 (*one-off*) kepada pemandu e-hailing di Pulau Pinang yang bakal memanfaatkan 10,000 pemandu.

6. Pengecualian sewa selama dua bulan (April dan Mei) kepada penghuni-penghuni di 4,860 unit Rumah Sewa Kerajaan Negeri dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri.

7. Pengecualian satu bulan sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk pasar-pasar awam, lot-lot kedai dan sebagainya. Pengecualian sewa ini berkuat kuasa April 2020 dan melibatkan 10,999 premis perniagaan.

RM75 juta

PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG

JUMLAH KESELURUHAN : RM75 JUTA

RM500 PENIAGA KECIL DAN PENJAJA	RM500 PEMANDU PELANCONG	RM500 PENERIMA BANTUAN JKM	RM500 PEMANDU TEKSI & PENARIK BECA
RM300 PEMANDU E-HAILING	TIADA CAJ SEWA 2 BULAN RUMAH SEWA KERJAAN	TIADA CAJ SEWA 1 BULAN PREMIS PERNIAGAAN KERJAAN	RM3 JUTA BANTUAN ZAKAT
RM1000 500 MASJID SURAU	RM1000 500 PESAKIT COVID-19	RM300 FRONTLINERS PBT	RM300 FRONTLINERS PERSEKUTUAN
RM10 JUTA PERALATAN KESELAMATAN	PINJAMAN TANPA FAEDAH USAHAWAN MIKRO & PKS	RM30,000 BANTUAN KECEMASAN KADUN	TANGGUH 3 BULAN CUKAI TANAH, SEWA-BELI, PINJAMAN KN

[penanglawancovid19](#) | [t.me/penanglawancovid19](#) | [penanglawancovid19.com](#)

(Sambungan di muka 2.)

PKP: Gelandangan peroleh perhatian

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : CHAN KOK KUAN & LAW SUUN TING

GEORGE TOWN - Kumpulan gelandangan dan kutu rayau yang sering 'berteduh' di sekitar kawasan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) kini ditempatkan di Dewan CAT, Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama.

Tinjauan Skuad Buletin Mutiara mendapati bahawa 20 individu yang ditempatkan di sini kelihatan selesa dan lebih terurus.

Malah, Skuad Buletin Mutiara berkesempatan bertemu dengan Pesuruhjaya Buddhists Tzu Chi Merits Society Malaysia (Tzu Chi), Khoo Boo Leong, yang mengawal selia segala keperluan kumpulan tersebut di sini.

Menurut beliau, hanya mereka yang melepas saringan pemeriksaan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibenarkan untuk berada di sini.

"Daripada 72 orang yang 'ditangkap' dalam proses pemindahan hanya 17 lelaki dan 3 wanita dibawa ke sini (Kompleks Masyarakat Penyayang).

"Sebilangannya telah diarahkan pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dan ada yang dibawa ke hospital untuk rawatan," ujarnya ketika ditemui pada 28 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Boo Leong menyatakan bahawa setiap daripada mereka yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara berkaitan telah menerima kelengkapan pembersihan diri seperti tuala mandi, berus gigi, sabun dan sebagainya. Malah, mereka turut diajar cara membasuh tangan yang betul sebaik ditempatkan di pusat ini.

"Di sini, makanan berasaskan sayur (vegetarian food) disediakan tiga kali sehari selain menyediakan air minuman yang bersih.

"Setiap gelandangan dan kutu rayau yang ditempatkan di sini diselia sepenuh masa dan mereka tidak dibenarkan meninggalkan premis ini sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir," katanya yang turut membawa Skuad Buletin Mutiara meninjau keadaan gelandangan serta kutu rayau yang ditempatkan dekat sini.

Sebanyak 66 katil disediakan dengan jarak antara satu sama lain adalah lima kaki.



PERSEKITARAN Dewan CAT, Kompleks Masyarakat Penyayang yang bersih dan selesa.



PHEE Boon Poh (tengah) melakukan 'pembersihan' serta pemeriksaan terhadap penguata kuasa yang menyertai operasi khas gelandangan di sini 27 Mac lalu.



BARISAN penguata kuasa menjalankan pemeriksaan.

Kerja-kerja pembersihan dan nyah kuman dewan akan dilakukan setiap dua atau tiga hari sekali bagi memastikan tahap kebersihan yang tinggi sentiasa terjaga.

Sehari sebelum itu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang turut meninjau proses pemindahan memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin dan mengambil inisiatif memindahkan gelandangan serta kutu rayau ke pusat pemindahan sementara di Kompleks

Masyarakat Penyayang sebagai sebahagian usaha pematuhan PKP.

Proses pemindahan dilaksanakan secara usahasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan badan bukan kerajaan (NGO), Tzu Chi.

(Sambungan dari muka 1.)

Semua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) juga diarahkan untuk tidak mengutip sewa tapak pasar malam dan pasar pagi bagi tapak-tapak yang diuruskan oleh mereka bagi bulan April.

8. Bantuan zakat RM3 juta kepada golongan asnaf beragama Islam melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP).

9. Bantuan tunai RM1,000 (*one-off*) kepada masjid (226 buah) dan RM500 kepada surau (538 buah) di seluruh negeri sebagai bantuan membiayai kos penyelenggaraan, pembersihan serta pembasmian kuman melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

10. Bantuan tunai RM500 (*one-off*) kepada rakyat Pulau Pinang yang disahkan positif COVID-19 dan RM1,000 kepada waris pesakit yang meninggal dunia.

11. Insentif khas RM300 (*one-off*) kepada 4,791 wira barisan hadapan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dikerahkan sebagai pekerja barisan hadapan membabitkan Skuad Khas COVID-19 kedua-dua PBT.

12. Menghargai jasa 10,511 wira barisan hadapan daripada agensi dan jabatan Kerajaan Persekutuan seperti warga Jabatan Kesihatan Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Imigresen dan RELA melalui insentif RM300 (*one-off*).

13. RM10 juta diperuntukkan bagi tujuan perolehan bekalan peralatan keselamatan diri seperti pelitup muka, pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), termometer inframerah dan sebagainya. Kerajaan Negeri telah menempah 6 juta keping pelitup muka bagi kegunaan negeri Pulau Pinang.

14. Pinjaman tanpa faedah bagi membantu usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menempuh masa penuh kesukaran ini. Peminjam diberi tempoh masa enam bulan sebelum pembayaran balik pinjaman bermula.

15. Peruntukan khas RM30,000 kepada 40 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebagai dana bantuan kecemasan masyarakat setempat.

16. Melanjutkan tempoh akhir selama tiga bulan bagi bayaran cukai petak atau cukai tanah, skim sewa-beli Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) serta menangguhkan bayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan, Tabung Usahawan Tani dan penuntut.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyeru pihak-pihak swasta untuk tampil memainkan peranan melalui pemberian insentif dan rangsangan bagi memulihkan semula ekonomi negeri.

"Kerajaan Negeri telah membuka langkah, justeru, pihak swasta juga dijemput untuk turut serta dalam usaha pemulihran ekonomi negeri Pulau Pinang," serunya.



COVID-19, Pulau Pinang komited lawan penularan wabak

Oleh : AINUW WARDAH SOHILLI

PULAU Pinang selangkah ke hadapan dalam banyak perkara, meskipun gelombang kedua jangkitan COVID-19 melanda, pelbagai perancangan pelan strategik untuk mengawal penularan virus dilaksanakan.

Malah, sebelum Kerajaan Persekutuan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pulau Pinang telah melancarkan kempen 'Penang Lawan COVID-19', manakala pasukan petugas khas (*task force*) ditubuhkan di peringkat negeri untuk menyelaras usaha antara jabatan-jabatan dan agensi berkaitan.

"Rancangan nanya adalah untuk mengambil kira, segala pemakluman serta bersifat telus, dan juga mitigasi," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 31 Mac lalu.

Dengan lima kes baru dicatatkan di Pulau Pinang pada 13 Mac, Kerajaan Negeri bertindak pantas dengan membatalkan semua acara umum di peringkat negeri.

Kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut menubuhkan pasukan petugas khas mereka sendiri dan mengerahkan 4,700 kakitangan turun ke lapangan untuk kerja-kerja pembersihan dan nyah jangkitan.

Sebaik sahaja PKP dilaksanakan, mereka bekerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan lain untuk menguatkuasakan peraturan.

Dengan meletakkan keselamatan pasukan barisan hadapan (*frontliners*) sebagai keutamaan, Kerajaan Negeri memberi jaminan kepada orang ramai bahawa hospital-hospital di negeri ini dilengkapi dengan peralatan perlindungan diri (PPE), katil, sarung tangan dan pensanitasi.



PETUGAS-petugas talian hotline 04 – 262 1207 / 04 – 262 1819 Bilik Gerakan Special Task Force COVID-19 Kerajaan Negeri yang beroperasi 24 jam di Komtar.

Pulau Pinang memilih platform Facebook dan Telegram, selain mempunyai laman web khusus, untuk mengemas kini maklumat kepada orang awam mengenai statistik dan informasi berkaitan virus berkenaan, dengan kaedah penyampaian yang jelas melalui penggunaan carta dan graf.

Sebanyak 150 papan iklan dan poster didirikan di seluruh negeri Pulau Pinang bagi menyampaikan mesej kesedaran kepada orang ramai.

Menerusi kempen Penang Lawan COVID-19, beberapa video dalam empat bahasa utama iaitu Bahasa

Dana RM10 juta yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri telah disalurkan untuk melengkapkan pasukan barisan hadapan dengan peralatan serta barang yang diperlukan.

Malah, Pulau Pinang juga mengambil inisiatif untuk lebih telus mengenai kes-kes yang dilaporkan di negeri ini, Kon Yeow sendiri sentiasa berkomunikasi dengan rakyat di negeri ini secara langsung melalui media sosial setiap hari.



KETUA MENTERI bersama-sama barisan Exco pada pelancaran kempen 'Penang Lawan COVID-19'.

Melayu, Bahasa Inggeris, Hokkien dan Tamil telah dihasilkan dengan tujuan mendidik orang ramai.

"Kami percaya bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang tampil dengan platform khas yang memberi maklumat kepada orang ramai mengenai virus baharu ini.

"Hanya melalui fakta dan maklumat tepat, Pulau Pinang mampu melawan pandemik dengan lebih berkesan," tegasnya.

Pulau Pinang turut dijangka menerima kesan daripada penularan pandemik dalam sektor ekonomi.

Justeru, Kon Yeow baru-baru ini mengumumkan insentif RM75 juta Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang bakal memanfaatkan 410,000 penerima.

Pakej tersebut, mensasarkan golongan berpendapatan rendah dan kelompok paling mudah terjejas termasuk penjaja kecil, usahawan kecil, pemandu teksi, pemandu perkhidmatan *e-hailing* dan kumpulan B40.

Antara inisiatif yang diumumkan adalah pemberian bantuan kewangan secara *one-off* berjumlah RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil berlesen, memanfaatkan 14,012 penerima; pengecualian bayaran sewa selama dua bulan kepada 1,816 penyewa di projek perumahan dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kerajaan Negeri dan pengecualian bayaran sewa selama satu bulan kepada penyewa premis perniagaan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Kerajaan Negeri.

Tabung Covid-19 Pulau Pinang juga diwujudkan bagi membolehkan sektor swasta bersama-sama berganding bahu membangunkan semula ekonomi negeri, termasuk pemotongan

sebulan gaji Ketua Menteri dan Exco-Exco Kerajaan Negeri yang disalurkan terus ke tabung berkaitan.

"Pulau Pinang juga mengambil inisiatif melaksanakan program edaran makanan bagi memastikan tiada individu yang akan berlapar di negeri ini.

"Kerajaan Negeri dan pihak

penguatkuasaan akan memastikan bekalan makanan tidak terputus, dan sekali lagi, saya tegaskan bahwa kami (Kerajaan Negeri dan pihak penguatkuasaan) meminta kerjasama semua rakyat Pulau Pinang untuk sama-sama memastikan kemenangan ini," serunya.

COVID-19 TIDAK MENJANGKITI MELALUI MAKANAN

Penularan COVID-19 hanya melalui mukus yang mengandungi titisan salur pernafasan (droplets) yang dijangkiti oleh novel-coronavirus di antara haiwan dan manusia semasa bercakap, bersin atau batuk.

5 AMALAN MENGELAKKAN JANGKITAN PENYAKIT yang anda perlu tahu

-  **Jaga kebersihan**
-  **Asingkan makanan mentah dari makanan yang sudah dimasak**
-  **Masak dengan cara yang betul**
-  **Simpan makanan pada suhu yang selamat**
-  **Gunakan air dan bahan mentah yang selamat**



PASUKAN Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang bertugas di Bilik Gerakan Special Task Force COVID-19 Kerajaan Negeri.

Papan iklan bawa mesej kesedaran COVID-19

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD & CHAN KOK KUAN

MESEJ KESEDARAN... Bagi memperkasakan lagi penyampaian maklumat mengenai langkah pencegahan wabak COVID-19, sebanyak 150 papan iklan telah didirikan di seluruh negeri Pulau Pinang hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Selain di pasar-pasar awam, turut diletakkan adalah di lokasi yang menjadi tumpuan ramai seperti sepanjang jalan-jalan

utama di bahagian pulau dan Seberang Perai.

Terdapat tiga paparan mesej iaitu, 'Tapau Balik. Makan Di Rumah.'; 'Jika Anda Boleh Baca Mesej Ini Bermakna Anda Sudah Melanggar Perintah Kawalan Pergerakan, Balik Rumah Sekarang!' dan 'Langkah-langkah Pencegahan Virus COVID-19'.

Patuhilah arahan PKP demi keselamatan kita semua. Duduklah di rumah dan kurangkan pergerakan di luar. Bersama-sama kita capai kadar kepatuhan 100 peratus.



PAPAN iklan yang didirikan di laluan Kampung Permatang Setar, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pinang Tunggal.



EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (dua dari kanan) dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar, Teh Lai Heng (kiri sekali) menyampaikan keperluan bekalan peralatan kepada wakil-wakil Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.



PASUKAN Polis Diraja Malaysia memastikan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh semua kendaraan.



PAPAN iklan yang didirikan di salah satu laluan utama di Pulau Tikus.



PEMERIKSAAN suhu oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap salah seorang pengunjung pasar awam.



PELITUP muka turut disumbangkan kepada wakil-wakil media yang bertugas.



PEMATUHAN PKP di Pasar Awam Balik Pulau.

COVID-19: MAINPP umum inisiatif ringan beban umat Islam

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengumumkan beberapa lagi inisiatif baharu bagi meringankan beban umat Islam yang terjejas secara langsung akibat pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Yang Dipertua MAINPP, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, sejak PKP dilaksanakan, pihaknya secara proaktif mengadakan beberapa siri perbincangan sebagai usaha membantu umat Islam di negeri ini.

“Sebelum ini, saya telah mengumumkan Pakej Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa 1 yang mensasarkan golongan peniaga kecil dan penjaja gerai tepi jalan.

“Bantuan ini membabitkan pemberian bantuan sebanyak RM500 untuk setiap permohonan yang berjaya dan sehingga 6 petang 25 Mac 2020, hampir 3,000 permohonan diterima secara dalam talian,” ujarnya pada sidang media yang disiarkan secara langsung melalui laman Facebook beliau (<https://www.facebook.com/zakiyuddin.my/>) di sini 26 Mac lalu.

Selain Pakej Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa 1, Ahmad Zakiyuddin yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri I, sebelum ini, turut mengumumkan sumbangan kepada masjid dan surau di negeri ini bagi kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman membabitkan peruntukan berjumlah RM305,600.

Begitu juga dengan Bantuan Kewangan Sara Hidup Bulanan yang disalurkan oleh Zakat Pulau Pinang kepada 3,673 penerima dengan peruntukan RM1.2 juta.

“Kini, saya ingin mengumumkan beberapa lagi inisiatif yang akan diambil bagi membantu meringankan beban umat Islam yang terjejas secara langsung.

Malah, MAINPP juga sedang memperhalusi beberapa cadangan lain bagi membantu kelompok masyarakat yang terjejas dan insyaAllah MAINPP akan maklumkan perkembangan ini dari semasa ke semasa,” katanya.

Antara inisiatif baharu yang diumumkan adalah:

a. **Bantuan Kecemasan RM1,000,000 kepada anak kariah yang terputus bekalan makanan.**

Senarai nama anak kariah yang terjejas perlu dihantar melalui Pegawai Tadbir Agama Daerah terlebih dahulu untuk pengesahan.

Wang bantuan kecemasan ini akan disalurkan ke dalam bank akaun masjid kariah dan terserah atas budi bicara pihak masjid untuk menyalurkan kepada anak kariah sama ada melalui pembelian barang makanan atau bayaran secara tunai dengan nilai bantuan RM100 setiap keluarga.

b. **Pakej Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa 2** akan memberikan tumpuan terhadap kumpulan lain yang turut terjejas dengan jumlah bantuan yang sama iaitu RM3,000,000 kepada:

- i. guru-guru agama
- ii. guru-guru tahfiz
- iii. pemandu perkhidmatan e-hailing sepenuh masa
- iv. pekerja bergajian harian sepenuh masa yang tidak mempunyai sebarang punca pendapatan semasa PKP dilaksanakan.

Maklumat mengenai permohonan ini akan dimaklumkan kelak melalui platform media sosial Zakat Pulau Pinang (ZPP).

c. Pengecualian dua bulan sewaan premis MAINPP

Pengecualian sewa diberikan kepada semua penyewa premis MAINPP bagi bulan April dan Mei 2020.

d. Penubuhan Tabung Wira Negara MAINPP

Tabung ini diwujudkan bagi mengumpul dana untuk membantu menyalurkan sumbangan kepada petugas di barisan hadapan (*frontliners*) yang bertugas di Pulau Pinang.

Bantuan ini akan disalurkan kepada pasukan perkhidmatan kesihatan dan pasukan keselamatan bagi membeli keperluan peralatan dan juga bekalan makanan.

Sebagai permulaan MAINPP menyalurkan RM50,000 menggunakan hasil dana wakaf.

Justeru, pihak korporat atau individu yang berminat boleh menyalurkan derma ke Tabung Wira Negara – MAINPP melalui nombor akaun 07025010036936 (Bank Islam).

Sementara itu, dalam sidang media sama, Ahmad Zakiyuddin turut menyambut baik



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN.

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang diumumkan oleh Ketua Menteri baru-baru ini dengan dana sebanyak RM75 juta.

“Ini termasuk bantuan *one-off* RM1,000 kepada masjid dan RM500 kepada surau di negeri ini.

“Semoga dengan ikhtiar ini, kita dapat sama-sama memastikan supaya mereka yang memerlukan menerima bantuan dan sumbangan pada kadar segera.

“Bagi pihak MAINPP, kami akan cuba yang terbaik bagi memastikan tiada golongan yang layak tercicir dalam situasi getir ini.

“(Dan) semoga seluruh umat Islam di Pulau Pinang terus istiqamah mengadakan solat hajat serta munajat agar Allah SWT segera mengangkat wabak COVID-19 ini, aamiin,” zahirnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam.

Cara betul pakai pelitup muka, nasihat doktor

PEMAKAIAN pelitup muka atau *face mask* merupakan salah satu langkah pencegahan dan perlindungan diri daripada dijangkiti COVID-19 apabila terpaksa berada di luar rumah.

Doktor pakar geriatrik, DR. ALAN CH'NG SWEE menjelaskan bahawa dua golongan utama yang paling disarankan untuk memakai pelitup muka bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 iaitu pesakit serta mereka yang menjaga pesakit.

“Apabila pesakit batuk atau bersin, pelitup muka boleh mencegah penyebaran (COVID-19) kerana titisan cecair daripada pernafasannya akan diserap ke dalam lapisan pelitup muka,” jelasnya.

Beliau dalam pada itu, turut menekankan cara pemakaian pelitup muka yang betul bagi memastikan pencegahan jangkitan virus menjadi lebih berkesan.

“Tiga lapisan yang ada pada pelitup muka mesti menghala ke bawah dengan bar logam berada di bahagian atas.

“Pastikan lapisan berwarna sama ada biru, hijau, hitam dan sebagainya perlu menghadap keluar kerana ia adalah kalis air untuk melindungi tembusan air.

“Manakala lapisan berwarna putih perlu berada di bahagian dalam kerana ia mempunyai fungsi penyerapan air.

“Semasa memakai pelitup muka, bar logam perlu ditekan dengan rapat di atas hidung dan tali digantung di kedua-dua cuping telinga. Paling penting adalah bahagian bawah perlu ditarik sehingga menutupi bahagian dagu,” ulasnya.

Walau bagaimanapun, Ch'ng Swee menegaskan bahawa pemakaian pelitup



DR. ALAN CH'NG SWEE.

muka sahaja adalah tidak mencukupi untuk mencegah jangkitan COVID-19 sepenuhnya.

“Memakai pelitup muka sahaja tidak dapat mencegah 100 peratus jangkitan (COVID-19) kerana apabila kita memakai pelitup muka, udara akan masuk dari tepi, atas dan bawah.

“Justeru, langkah paling baik adalah dengan tidak keluar dari rumah,” tegasnya.

Dalam pada itu, pakar perubatan am, DR. AMMAR RASHIDI ABDULLAH berkata bahawa mereka yang benar-benar disarankan memakai pelitup muka adalah golongan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan.

“Juga pekerja-pekerja di hospital atau fasiliti kesihatan kerana mereka berdepan risiko paling tinggi.

“Mereka dinasihatkan supaya memakai penutup muka agar titisan-titisan air tidak



DR. AMMAR RASHIDI ABDULLAH.

masuk ke dalam badan selain mengelakkan pesakit yang berada di situ menyebarkan titisan air kepada mereka,” ulasnya.

Jelas beliau adalah penting memastikan garisan-garisan pada topeng muka menghala ke bawah semasa memakai pelitup muka.

“Bayangkan titisan air jatuh, ia mesti boleh mengalir ke bawah dan sekiranya terbalik ia akan melekat,” katanya.

Mengulas lanjut, Ammar Rashidi menjelaskan bahawa bagi mereka yang tidak berpeluang membeli pelitup muka, boleh menggunakan selendang atau serban semasa keluar dari rumah.

“Selendang atau serban juga boleh digunakan sebagai penutup muka bagi memastikan titisan air dari badan kita tidak tersebar keluar, tetapi pastikan ia ketat dan tidak longgar.



DR. KANAGEJAREN.

“(Dan) pastikan apabila pulang ke rumah, selendang dan serban itu dibasuh,” jelasnya.

Doktor pakar perubatan dalaman, DR. KANAGERAJAN pula menekankan bahawa bukan sahaja pemakaian pelitup muka perlu dengan cara yang betul tetapi cara membuka topeng juga harus diberikan perhatian.

Menurut beliau, cara yang betul untuk membuka topeng muka adalah dari belakang tanpa menyentuh bahagian hadapan kerana sudah tercemar dengan pelbagai jenis kuman.

“Ini kerana, sekiranya anda menyentuh bahagian hadapan pelitup muka yang terdedah kepada persekitaran luar bermakna anda telah bersentuhan dengan virus itu sendiri.

“Sedangkan fungsi pelitup muka adalah untuk melindungi anda daripada dijangkiti,” ulasnya.

PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG RM75 JUTA



One-off RM500

kepada peniaga dan penjaja berlesen

Merangkumi peniaga pasar malam,
pasar tani dan kendara saji (food truck)

Jumlah Penerima: **14,012 orang**

Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM7 Juta**



One-off RM500

kepada pemandu pelancong

*Yang berdaftar dengan Kementerian
Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Jumlah Penerima: **1,367 orang**

Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM685,000**



BANTUAN ZAKAT sebanyak **RM3 Juta**

kepada Golongan Asnaf



One-off RM500

kepada penerima bantuan
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Termasuk orang kurang upaya (OKU) dan
penerima skim Agenda Ekonomi Saksama

Jumlah Penerima: **18,657 orang**

Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM9.33 Juta**



Penambahan RM200

wang insentif kepada
pemandu teksi dan penarik beca

Jumlah Penerima:
2,248 pemandu teksi
318 penarik beca

Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM513,600**




PENGECUALIAN SEWA SATU BULAN

Premis-Premis Perniagaan
Milik Kerajaan Negeri dan
Pihak Berkuasa Tempatan

*Untuk bulan April 2020

Jumlah Penerima:
10,999 premis perniagaan
Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM1.61 Juta



BANTUAN KEWANGAN KHAS kepada Masjid dan Surau

**One-off
RM1,000**
kepada Masjid

Jumlah Penerima:
226 masjid dan 538 surau

Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM495,000

**One-off
RM500**
kepada Surau



One-off RM300

kepada pemandu e-hailing

Jumlah Penerima: **10,000 pemandu**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM3 Juta**



PENGECUALIAN SEWA BULANAN

Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN)
dan Program Perumahan Rakyat (PPR)
kelolaan Kerajaan Negeri

*Untuk bulan April dan Mei 2020

Jumlah Penerima: **4,860 keluarga**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM932,844**



Bantuan One-off RM300

kepada Wira Barisan Hadapan
Jabatan Kesihatan Negeri,
Polis Diraja Malaysia, Imigresen,
Angkatan Tentera Malaysia,
Angkatan Pertahanan Awam dan RELA

Jumlah Penerima:
10,511 wira barisan hadapan

Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM3.3 Juta



Insentif Khas RM300

kepada Semua Wira
Barisan Hadapan PBT

Jumlah Penerima:
4,791 pekerja MBPP & MBSP

Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM1.4 Juta



PENANGGUHAN TEMPOH PEMBAYARAN

kepada Kerajaan Negeri

30 Ogos 2020

Cukai Petak/
Cukai Tanah

3 Bulan

Skim Sewa-Beli RSKN
Skim Pinjaman Harapan
Tabung Usahawan Tani
Pinjaman Penuntut



Peruntukan Khas RM10 Juta

untuk perolehan bekalan
peralatan keselamatan diri

*Peralatan Perlindungan Diri (PPE), katil,
bantal, pelitup muka (face mask), termometer,
pensanitasi tangan (hand sanitizer) dan sebagainya

Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM10 Juta**



PINJAMAN TANPA FAEDAH KELANGSUNGAN PERNIAGAAN PULAU PINANG (SKIM PEKA PKS)

Industri Kecil & Sederhana
(IKS) Sektor Pembuatan:
Pinjaman Sehingga

RM50,000

Perusahaan Kecil & Sederhana
(PKS) Sektor Lain:
Pinjaman Sehingga

RM20,000

Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM30 Juta



Bantuan Tunai One-Off kepada Pesakit COVID-19 Pulau Pinang

**One-off
RM500**

kepada pesakit
yang disahkan
positif COVID-19

**One-off
RM1,000**

kepada waris pesakit
COVID-19 yang
meninggal dunia

Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM300,000**



Peruntukan Khas RM30,000

kepada Setiap ADUN sebagai
**DANA BANTUAN KECEMASAN
MASYARAKAT SETEMPAT**

Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM1.2 Juta



Jumlah Keseluruhan:
RM75 Juta

Kumpulan Sasar:

Penjaja, Peniaga Kecil, Food Truck	Pemandu Teksi, E-hailing, Penarik Beza	Wira barisan hadapan, PBT, JKN, PDPM, ATM, APAM & RELA	Keluarga B40	OKU
Penyewa Rumah Sewa Kerajaan Negeri	Pemilih Skim Sewa-Beli Kerajaan Negeri	Golongan Asnaf (Muslim)	Institusi Masjid dan Surau	Pesakit Covid-19
Waris Pesakit Covid-19 yang Meninggal Dunia	Peminjam Dana Kerajaan Negeri	Pembayar Cukai Tanah	Usahawan Mikro	Usahawan PKS

Ketepi politik, semua gembleng tenaga lawan COVID-19

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Ketepikan politik, sebaliknya semua pihak perlu menggembeleng tenaga agar usaha membasmi penularan wabak COVID-19 dapat dijayakan.

Berasaskan pegangan tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah menghubungi Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) Pulau Pinang pada 28 Mac lalu dan menjemput beliau untuk hadir di mesyuarat JKKN seterusnya yang berlangsung pada 30 Mac 2020.

“Saya telah menghubungi Datuk Muhamad Yusoff dan beliau telah menerima pelantikan tersebut, dan juga bersetuju untuk hadir ke mesyuarat jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelarasan pelbagai agensi negeri serta Persekutuan berhubung pengurusan isu COVID-19 sebagaimana dijadualkan,” katanya pada siaran langsung menerusi laman Facebook peribadi beliau di sini 28 Mac 2020.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap dalam tempoh krisis COVID-19 kini, semua wakil rakyat negeri Pulau Pinang, tanpa mengira parti kerajaan mahupun pembangkang akan bekerjasama bagi memastikan kebijakan, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang kekal terpelihara,” ujarnya yang

juga merupakan Pengurus JKKN Pulau Pinang.

Pada sidang media sama, Kon Yeow memberitahu bahawa dalam aspek tersebut, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa peruntukan khas dana bantuan rakyat akan disalurkan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tanpa mengira parti politik.

“Kerajaan Negeri akan memberikan peruntukan khas dana bantuan rakyat berjumlah RM30,000 secara saksama kepada semua 40 ADUN Pulau Pinang tanpa mengira latar belakang politik mereka,” ulasnya lanjut yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung.

Mengulas lanjut berhubung Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang diumumkan Perdana Menteri pada 27 Mac lalu, Kon Yeow berharap gabungan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dan pakej Kerajaan Persekutuan tersebut akan membolehkan rakyat bangkit semula daripada kemuraman ekonomi akibat wabak berkaitan.

“Fokus kita (Kerajaan Negeri) sekarang ialah untuk memastikan segala bantuan serta insentif kewangan sampai dengan pantas serta jitu kepada kumpulan sasar.

“Malah, saya tahu bahawa bantuan setakat ini mungkin tidak memadai, justeru, Kerajaan Negeri perlu berganding bahu dengan sektor swasta bukan sahaja memastikan ekonomi terus mampu memberikan peluang pekerjaan tetapi juga memberikan peluang mencari nafkah, membina kerjaya diri dan seterusnya peluang

untuk menjaga keluarga masing-masing,” jelasnya.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri turut menyediakan Pinjaman Sifar Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang yang mana RM30 juta diperuntukan bagi membolehkan usahawan mikro serta usahawan dari sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membuat pinjaman ‘pusingan modal’ sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Bukan sahaja tidak dikenakan sebarang riba atau faedah, melalui pinjaman ini, peminjam hanya perlu mula membayar selepas enam bulan mendapatkan wang pinjaman.

“Pejabat saya juga telah menghubungi persatuan-persatuan usahawan Pulau Pinang seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Cawangan Pulau Pinang dan dewan-dewan perniagaan negeri bagi mendapatkan maklum balas berhubung pendekatan berganding bahan antara Kerajaan Negeri dan sektor swasta.

“Dalam memastikan ekonomi Pulau Pinang terus mampu memberikan peluang pekerjaan, kerajaan perlu berganding bahan dengan sektor swasta.

“Kerajaan Negeri tidak mempunyai sumber yang besar, namun kita (Kerajaan Negeri) akan memastikan bahawa pengagihan (sumber) diagihkan kepada golongan yang memerlukan,” ulasnya pada 20 Mac lalu.



KONSEP BARU SYURGA DENGAN PEMANDANGAN LAUT

5% Diskaun Untuk Bumiputera

Pindah Masuk Dengan **RM 1,000** Sahaja*

Hak Milik Kekal

Reinvent Spaces. Enhance Life.

MahSing

THE EDGE
Top Property
Developers Awards
2019



Southbay Sales Gallery

No.1 Southbay City, Jalan Permatang Damar Laut, 11960 Bayan Lepas, Penang.
Show Units Open Daily: 10am - 6pm

04 291 3109

ferringhireidence2.com

MBPP, MBSP tegas demsi pematuhan PKP

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : CHAN KOK KUAN

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan pasukan petugas khas, Task Force Pengurusan Krisis COVID-19 bagi memantau pematuhan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, penubuhan pasukan petugas khas itu adalah membabitkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan di negeri ini iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

“Penubuhan pasukan petugas khas ini adalah bagi memastikan pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisyiharkan oleh Perdana Menteri bermula 18 Mac lalu.

“(Dan) bagi menjamin keselamatan dan kesihatan orang awam sentiasa terjaga, itulah keutamaan kami (Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan),” ujarnya pada sidang media di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pasukan petugas khas di bawah seliaan MBPP telah melaksanakan pemantauan serta rondaan pada hari pertama pelaksanaan PKP (18 Mac 2020).

“Hari pertama sahaja sebanyak 253 notis amaran telah dikeluarkan kepada peniaga di pasar malam dan gerai makanan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

“(Dan) kita akan meneruskan pemantauan serta rondaan bagi memastikan pematuhan terhadap PKP ini,” tegasnya.

Dalam pada itu, Tung Seang memberitahu bahawa pihaknya mewujudkan enam pasukan dengan kekuatan 50 penguat kuasa yang akan memantau dan memberi nasihat kepada orang awam agar mematuhi arahan di bawah PKP.

“Misalnya, mengenai jarak sosial di pasar-pasar awam dan kedai barang harian serta memastikan pengendali kedai makan tidak membenarkan orang awam makan di dalam premis mereka, hanya bungkus.

“Sekiranya disabitkan kesalahan di bawah undang-undang mereka akan didenda tidak melebihi RM1,000,” katanya.

Dalam sidang media sama, Jagdeep memberitahu bahawa kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama-sama Jabatan Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi kerja-kerja pembersihan disinfeksi (pembasmian kuman) di tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai.

Malah, Task Force Pengurusan Krisis COVID-19 bagi kedua-dua Majlis Bandaraya juga akan menggandakan lagi usaha memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang awam cara pencegahan COVID-19.

Ini termasuk menguar-uar informasi mengenai langkah-langkah pencegahan COVID-19 serta lain-lain maklumat berkaitan melalui skrin LED di sembilan lokasi di bahagian pulau dan empat lokasi di Seberang Perai.

“Selain itu, bagi mengawal penularan COVID-19, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) juga telah menangguhkan penganjuran beberapa acara dan program yang membabitkan orang awam,” jelaskan.



JAGDEEP Singh Deo.

4 unit Rumah Berkembar & 78 unit Rumah Teres Dengan Rekabentuk Yang Moden

- Terletak di kawasan Sungai Bakap yang sedang pembangun.
- Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara-Selatan, Jambatan Kedua Pulau Pinang serta kawasan perindustrian dalam jarak pemanduan yang dekat.
- Dikelilingi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti IKEA, Auto-city, Icon-city, bank, pusat beli-belah, restoran, pasar dan sekolah seperti SMJ Valdor & SRJK(C) Kampung Valdor.




Rumah Berkembar 2-tingkat
Keluasan Tanah : 3356 - 3787 KPS
Keluasan Binaan : 30' x 40'
Harga Minima : RM705,000
Harga Maksima : RM715,000

4 unit



Rumah Teres 2-tingkat
Jenis A • 45 unit
Keluasan Tanah : 1366 - 2829 KPS
Keluasan Binaan : 20' x 40'
Harga Minima : RM489,000
Harga Maksima : RM682,000

Jenis B • 33 unit
Keluasan Tanah : 1237 - 2851 KPS
Keluasan Binaan : 20' x 40'
Harga Minima : RM459,000
Harga Maksima : RM682,000



EVERGREEN

PEMAJU: EVERGREEN IVORY SDN BHD (896999-K)

1797-1-8, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Penang.
T 04-507 8980 / 507 8981 F 04-507 5980 E loyal188@gmail.com

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

No. lesen pemaju: 19772-1/10/2021/0881(L)
Tempoh sah: 02/10/2019-01/10/2021
No. permit iklan & jualan: 19772-1/10/2021/0881(P)
Tempoh sah: 02/10/2019-01/10/2021
Jenis perumahan: Rumah Berkembar 2-Tingkat, Rumah Teres 2-Tingkat Jenis A & Jenis B

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

No. pelan susunatur: MPSP/70/39-64/21
No. pelan bangunan: MPSP/40/20-64/24
Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP
Bebanan tanah: Tiada
Hakmilik tanah: Hakmilik Kekal
Tarikh dijangka siap: JUN 2021

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khalid Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakap20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Azmi bin Alang annzaley15@gmail.com	(T) 017 - 585 5457 019 - 444 6600
N.05 SUNGAI DUA Mohd. Taupek bin Abd. Rahman hajifek@gmail.com	(T) 019 - 415 3850

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809 04-226 5161
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103 101	JABATAN PENDAFTARAN	04-263 1166 TOURISM MALAYSIA KERETAPI BUKIT BENDERA FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH) JAMBATAN PP STESEN KERETAPI BUTTERWORTH
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-261 0058
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA KERETAPI BUKIT BENDERA FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH) JAMBATAN PP STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-828 8880
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK CAP BEFRIENDERS PENANG	04-210 2363 04-310 2377 04-398 7419
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	PERPUSTAKAAN PP	04-261 0290
KASTAM	04-262 2300	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK CAP BEFRIENDERS PENANG	04-829 4046
IMIGRESEN	04-250 3419	PERPUSTAKAAN PP	04-829 9511
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK CAP BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
SOCSCO	04-238 9888		

Kalendar Pelancongan



SALURAN RASMI UNTUK INFO TERKINI KEMPEN PENANG LAWAN COVID-19



penanglawancovid19



penanglawancovid19.com



t.me/penanglawancovid19



penanglawancovid19

Saluran Rasmi Kempen Penang Lawan Covid-19

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBSP 2020**

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Ahmad Rizal Abd. Hamid	019 - 464 6696
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abidin	017 - 938 9192
Chee Yeeh Keen	019 - 455 7731
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Fahmi Zainol	018 - 232 2502
Galaimani a/l Subramnian	012 - 534 1384
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Muhammad Suzuki Ahmad	011 - 1119 4419
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Siti Shahanis Md. Sharif	010 - 369 5641
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Choo Eng	019 - 448 4344 04 - 323 2679
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zainuddin Mohamed	012 - 479 4200

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamoorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	U. Jagatsan	Seberang Perai Selatan		010 - 563 2279

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2020**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Abdul Latif Mohamad	012 - 248 5016
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Alan Lim Wei Lun	017 - 343 3995
Andrew Chua Thian Chai	016 - 485 0031
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azly Ibrahim	011 - 2432 9007
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor	019 - 413 8114
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz	019 - 470 0357
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Lee Wei Seang	012 - 452 8305
Mohd Suhairi Arumugam Abdullah	016 - 521 3369
Muhamad Khairul Mohd Ali	012 - 542 0520
Nor Afni Md. Yusuff	019 - 547 8460
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Soo Siang	012 - 475 2453
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com


 www.buletinmutiara.com
 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)
 [@chowkonyeow](#)



LANGKAH PENCEGAHAN VIRUS COVID-19



Kerap basuh tangan dengan sabun & air




Tutup mulut & hidung dengan tisu semasa batuk / bersin



Elakkan pergi ke tempat orang ramai



Elakkan bersalaman / bersentuhan dengan orang lain



Jarakkan diri >1 meter daripada orang lain




[penanglawancovid19](#)



[t.me/penanglawancovid19](#)



[penanglawancovid19.com](#)



TAPAU BALIK. MAKAN DI RUMAH.

[penanglawancovid19](#)
[t.me/penanglawancovid19](#)
[penanglawancovid19.com](#)

